

Maklumat Komoditi : Sengkuang

Penuaian

KEMATANGAN DAN PENGUTIPAN HASIL

Sengkuang boleh dipetik 4 - 5 bulan selepas ditanam. Pokok yang cukup matang daunnya berwarna kekuning-kuningan. Kerja-kerja yang perlu dilakukan ialah mencabut, memotong, mengumpul dan mengisi ke dalam bakul. Ubi sengkuang hendaklah digali berhati-hati. Semasa mencabutnya pokok janganlah ditarik terlalu kuat kerana ini akan merosakkan kulit ubi. Kulit yang telah koyak menyebabkan buah sengkuang tidak tahan lama dan merendahkan juga harga pasarannya. Bagi mereka yang menanam dalam kawasan yang luas kutipan boleh dilakukan secara mekanikal menggunakan traktor yang dipasang alat pengorek khas. Alat ini mempunyai 2 unit mata piring yang tajam dan dipasang kepingan besi melintang di bahagian belakang untuk mengorek ubi sengkuang. Hasil potensi dianggarkan antara 25 - 35tan/ha. Sengkuang boleh disimpan melebihi sebulan dengan suhu diantara 13 hingga 15°C. Sengkuang mudah rosak jika disimpan dalam jangkamasa yang lama pada suhu kurang daripada 12.5°C. Selepas dituai sengkuang perlu dibasuh untuk menghilangkan tanah yang terlekat dikelilingnya.